

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI, 8 MEI

---

1983

KUALA LUMPUR, 8 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENYEBUT TENTANG USAHA YANG DIBUAT OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MAJU UNTUK MEMBURUKKAN DASAR PANDANG KE TIMUR NEGARA INI.

"BUKAN SAHAJA PERASAAN MEMARAHI ORANG-ORANG ASING DIHIDUPKAN, TETAPI RAKYAT MALAYSIA SENDIRI DIHASUT SUPAYA MENOLAK DASAR TERSEBUT," KATA PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN MALAM BAGI MERAIKAN RAKAN SEJAWATNYA DARI JEPUN, ENCIK YASUHIRO NAKASONE.

BELIAU BERKATA KENYATAAN YANG DIBUAT OLEH RAKYAT MALAYSIA DIPUTAR-BELITKAN AGAR MEMBERI GAMBARAN MEREKA JIJIK DENGAN DASAR ITU DAN EKORAN ITU DENGAN JEPUN.

UNSUR-UNSUR PERKAUMAN TELAH JUGA DIMASUKKAN KE DALAM KEMPEN TERSEBUT, KATANYA.

TERDAPAT JUGA PERCUBAAN UNTUK MELAGAKAN PARA ANGGOTA KERAJAAN MALAYSIA ANTARA SATU SAMA LAIN DAN SEJAK KEBELAKANGAN INI CEMUHAN-CEMUHAN TELAH BERTAMBAH PERIBADI.

PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK DAPAT DIELAKKAN DASAR ITU DIGUBAL KETIKA NEGARA-NEGARA MAJU YANG MENJADI JAKAN PERDAGANGAN JEPUN TELAH MENJADI GUSAR TERHADAP TOKYO. -- LAGI 1918/II

ZCZC B636

PANDANG TIMUR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

AKIBATNYA, DASAR PANDANG KE TIMUR TELAH MENIMBULKAN KEMARAHAAN DI KALANGAN NEGARA BARAT YANG "FIKIR DASAR ITU AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA JEPUN," KATANYA.

"MEREKA JUGA FIKIR TENTANG BAHAYANYA JIKA MALAYSIA BERJAYA MENJADI LEBIH BERUPAYA BERSAING MENERUSI PENERAPAN SEDIKIT SEBANYAK KAEDAH-KAEDAH DAN DISIPLIN JEPUN," TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI KESAL BAHAWA PERASAAN ANTI-JEPUN TELAH MELIMPAH KE DALAM MALAYSIA.

"TETAPI, KAMI BERTAMBAH YAKIN BAHAWA DASAR PANDANG KE TIMUR ADALAH DASAR YANG BETUL UNTUK KAMI DAN KAMI AKAN TERUS RAPAT DAN BEKERJASAMA DENGAN JEPUN," TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TIDAK MENGHARAPKAN BANTUAN TAMBAHAN DARIPADA JEPUN APABILA IA MELANCARKAN DASAR TERSEBUT. IA CUMA MEMIKIRKAN JEPUN DAN CONTOH-CONTOH JEPUN.

BELIAU MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN JEPUN ATAS PERSEDIAANNYA BEKERJASAMA DENGAN MALAYSIA BAGI MEMPASTIKAN KEJAYAAN PERLAKSAAN DASAR ITU.

MALAYSIA, BAGAIMANAPUN, MEMINTA BANTUAN LANJUT DARIPADA JEPUN UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT. -- LAGI 1925/MB

PANDANG TIMUR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA BANTUAN PEMBANGUNAN DARI JEPUN UNTUK MEMPERBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT MALAYSIA DAN ASEAN BUKAN SAHAJA AKAN MENYUMBANG KEPADA KESEJAHTERAAN MEREKA TETAPI JUGA KESELAMATAN MEREKA.

"MEMANDANGKAN SEBAHAGIAN BESAR BEKALAN JEPUN BERPUNCA DARI ATAU MELALUI ASIA TENGGARA, KEAMANAN DAN KESELAMATAN DI RANTAU INI ADALAH PENTING KEPADA JEPUN," KATANYA.

MENERUSI KERJASAMA DAN PEMBANGUNAN, MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ASEAN YANG LAIN SECARA BERASINGAN ATAU BERKELOMPOK MENYUMBANG BUKAN SAHAJA KEPADA KESTABILAN, KEAMANAN DAN KESELAMATAN RANTAU INI TETAPI JUGA NEGARA-NEGARA JIRAN TERMASUK JEPUN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELURUH DUNIA AKAN BERMANFAAT JIKA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA DAN RAKAN-RAKAN ASEANNYA MEMPEROLEHI KEJAYAAN DALAM RANCANGAN PERINDUSTRIAN MASING-MASING.

"OLEH DEMIKIAN, TIDAK ADA ALASAN UNTUK PIHAK-PIHAK TERTENTU MENCERCA DAN MENJEJASKAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN YANG BARU MUNCUL," KATANYA. -- LAGI 2005/MB

PANDANG TIMUR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH MASALAH KAMPUCHEA YANG MENURUTNYA TELAH MENYEBABKAN PENGLIBATAN KUASA BESAR DI RANTAU INI DAN MENGANCAM KEAMANAN DAN KESELAMATAN SERANTAU DAN JUGA MENGHALANG PENGWUJUDAN SATU KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI DI ASIA TENGGARA.

SIKAP DEGIL VIETNAM MENGENAI SOAL TERSEBUT TIDAK DAPAT DITERIMA DAN SERANGANNYA BARU-BARU INI KE ATAS ORANG-ORANG AWAM KAMPUCHEA DAN PENCEROBOHAN KE DALAM WILAYAH THAI MERUPAKAN TINDAKAN YANG GANAS, KATANYA.

+KAMI MENUNTUT SUPAYA VIETNAM MENGHENTIKAN SEGALA PERMUSUHAN SEPERTI ITU DAN MENGUNDUR PASUKANNYA DARI KAMPUCHEA,+ KATANYA.

BELIAU GEMBIRA KERANA JEPUN MENYOKONG USAHA ASEAN Mencari penyelesaian politik yang menyeluruh kepada isu KAMPUCHEA dan berharap TOKYO akan terus membantu kerajaan campuran demokratik KAMPUCHEA pimpinan putera NORODOM SIHANOUK.

MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEDUA-KEDUA NEGARA MENIKMATI KERJASAMA YANG BERHASIL DALAM PELBAGAI BIDANG DI PERINGKAT KERAJAAN MAHUPUN PERINGKAT SEKTOR SWASTA.

BELIAU MENGALU-ALUKAN SYOR ENCIK NAKASONE SUPAYA DIADAKAN LEBIH BANYAK PERTUKARAN DI KALANGAN TERPELAJAR DAN GURU BAGI KERJASAMA DALAM SAINS DAN TEKNOLOGY AGAR MALAYSIA TIDAK TERTNGGAL DALAM BIDANG-BIDANG SEUMPAMA ITU.

--BERNAMA 2024/AN